

Manhaj Wasatiyyah dalam Membangunkan Perpaduan Nasional Negara Menurut Neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah

Wasatiyyah Method in Developing the National Unity of the Country According to Ahli Sunnah Wal Jamaah Method

Muhamad Zuhaili Saiman
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam, Selangor, Malaysia.
mdzuhaili@uitm.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no1.3>

Abstract

Malaysia is a country that is based on a plural society with the differences of races and religions followers. Islam and the Malays are pillars of the country based on provisions in the Constitution through Article 3 (1) that Islam is the Federal religion. The Islam that is intended in the Constitution is based on the Ahli Sunnah Wal Jamaah method. The challenge of the country's national unity is when the reality in Malaysia practices an integration system where the minority maintain their cultural identity while living with the majority or dominant race, namely the Malays and Muslims. The objective of the study is to analyze the Wasatiyyah method in developing the national unity of the country according to the Ahli Sunnah Wal Jamaah method. The methodology used in this study is a qualitative method through library research by referring to theses, journals, newspapers and also scientific books that are related to the research topic. Based on the analysis carried out, the author found that manhaj wasatiyyah is the best approach in creating harmony among Malaysians of various races and religions to develop the country's national unity. This Wasatiyyah method coincides with the Ahli Sunnah Wal Jamaah method to ensure that Islam and the Malays become pillars of this unity based on the historical reality and identity of Malaysia.

Keywords: *Ahli Sunnah Wal Jamaah, Islam, malay, national unity, wasatiyyah method*

Abstrak

Malaysia merupakan sebuah negara yang berasaskan masyarakat majmuk dengan wujudnya kepelbagaian kaum dan penganut agama yang berbeza-beza. Islam dan Melayu menjadi tonggak kepada negara dengan asas peruntukan dalam Perlembagaan menerusi Perkara 3 (1) iaitu Islam

merupakan agama Persekutuan. Islam yang dimaksudkan dalam Perlembagaan adalah berlandaskan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Cabaran perpaduan nasional negara ialah apabila realiti di Malaysia mengamalkan sistem intergrasi di mana kaum minoriti mengekalkan identiti budaya dalam kehidupan bersama kaum yang majoriti atau dominan iaitu Melayu dan Islam. Objektif artikel adalah untuk menganalisis manhaj wasatiyyah dalam membangunkan perpaduan nasional negara menurut neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini ialah kaedah kualitatif melalui kajian keperpustakaan dengan merujuk kepada tesis, jurnal, akhbar dan buku ilmiah yang mempunyai kaitan dengan topik perbincangan. Berdasarkan analisis yang dijalankan penulis mendapati manhaj wasatiyyah ialah pendekatan yang terbaik dalam mewujudkan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan agama untuk membangunkan perpaduan nasional negara. Manhaj Wasatiyyah ini adalah bertepatan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi memastikan Islam dan Melayu menjadi tonggak kepada perpaduan ini berdasarkan realiti sejarah dan identiti negara Malaysia.

Kata kunci: Ahli Sunnah Wal Jamaah, Islam, manhaj wasatiyyah, melayu, perpaduan nasional

Pendahuluan

Manhaj Wasatiyyah merupakan istilah arab yang menggabungkan dua perkata iaitu *manhaj* dan *wasata*. *Manhaj* bermaksud bahawa cara atau pendekatan, manakala *wasata* pula bermaksud sederhana, pertengahan atau keseimbangan¹. Gabungan keduanya membawa maksud pendekatan yang sederhana. Ia merujuk kepada pendekatan yang tepat dalam melaksanakan syariat Islam serta memastikan cara tersebut menuruti maqasid al-syariah bagi memastikan sesuatu kebaikan diperolehi dan menolak sebarang kemudaratan. al-Qaradawi² menyebutkan ia sebagai manhaj wasatiyyah dengan memberikan definisi sebagai keseimbangan dan kesederhanaan dalam segala sesuatu; dalam akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan perundangan serta jauh daripada berlebih-lebihan dan melampau.

al-Quran menyebutkan bahawa umat Rasulullah SAW dibangkitkan sebagai umat pertengahan menerusi istilah yang

¹ Akrab Kassab. *Dawr al-Qaradhawi fi Ta'sil al-Wasatiyyah wa Ibraz Ma'alimiha* (Kaherah: Maktabah Wahbah. 2008).

² al-Qaradawi, Yusuf, "al-Wasatiyah wa al-I'tidal", (Kertas kerja dalam Mu'tamar Wasatiyah: Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah, 2010), 2-4.

digunakan iaitu *ummatan wasata*. Ia dapat dirujuk kepada firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ
عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعَ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ ۗ
وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ
لِيُضَيِّعَ إِيمَانَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Al-Baqarah 2:143

Terjemahan: Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)..

Islam melarang umatnya bersifat ekstrem sekalipun atas nama ibadah yang dilakukan. Sifat ekstrem ini bukan hanya membawa kerosakan kepada diri individu tersebut, malah kepada

manusia lain, masyarakat bahkan negara. Sebab itu, Rasulullah SAW melarang umat Baginda SAW mereka yang ekstrem iaitu melampaui batas yang tidak bersifat dengan adil, bijaksana dan besederhana dalam kehidupan mereka termasuklah dalam hal ibadah. Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قال رسول الله ﷺ: هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda:
“Musnahlah golongan yang melampau”.³

Berdasarkan hadis di atas, al-Nawawi⁴ menafsirkan golongan yang dinamakan *mutanatti'un* yang disebut dalam hadis ialah mereka yang terlalu teliti dan cerewet sehingga melampaui had atau batasan dalam perkataan dan perbuatan mereka. Malah, golongan sebegini juga merujuk kepada golongan *al-Zahiriyyah al-Judud* sebagaimana yang disebutkan oleh Yusuf al-Qaradhawi⁵ yang membahagikan kelompok Muslimin dalam memahami sesuatu teks *nusus* al-Quran dan hadis. Beliau menjelaskan golongan *al-Zahiriyyah al-Judud* ini golongan yang tertutup dan jumud kerana memahami nas secara tekstual semata-mata tanpa menilai dan melakukan pertimbangan pada objektif dan kehendak sesuatu nas.

Dalam masa yang sama, umat Islam juga dilarang terlalu longgar atau disebutkan sebagai *al-tasahul* dalam memahami dan melaksanakan sesuatu syariat sehingga ia jauh menyimpang daripada kehendak yang asal. Ini juga disebutkan oleh al-Qaradhawi⁶ akan sifat golongan *al-Muattilah* iaitu golongan perosak agama di mana mereka menafsirkan agama mengikut logik akal semata-mata tanpa merujuk kepada nas yang jelas. Akhirnya mereka mengubah agama atas alasan yang direka-reka menurut hawa nafsu mereka. Justeru, manhaj wasatiyyah ialah pendekatan

³ Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Sahih Muslim*, ed. Muhammad Fuad bin 'Abd al-Baqy (Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi-al-Halabi wa shurakah, 1900), 2055 (Kitab al-'Ilm, Bab Halaka al-Mutanatti'un, no. hadis 2670).

⁴ al-Nawawi, Yahya bin Sharf, *Sharh al-Nawawi 'ala Muslim* (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 1994), 168 (Kitab al-'Ilm, Bab Halak al-Mutanatti'un).

⁵ al-Qaradhawi, Yusuf, *Siyasah al-Shar'iyyah fi Dhaw al-Kitab wa al-Sunnah al-Nabawiyyah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2011), 228-229.

⁶ al-Qaradhawi, *Siyasah al-Shar'iyyah*, 245-249.

pertengahan yang adil antara dua pendekatan yang tertolak sama ada kerana terlalu jumud atau terlalu longgar. Manhaj wasatiyyah ialah pendekatan yang mengekalkan asas prinsip rabbani serta memastikan maqasid al-syariah dicapai dalam sesuatu urusan duniawi mahupun ukhrawi. Dengan manhaj wasatiyyah ini, umat Islam melihat kehidupan ini dengan pandangan yang adil sebagaimana perintah Allah SWT:

وَاتَّبِعْ فِيمَا أَنْتَ مِنَ اللَّهِ الدَّارَ الْأُخْرَىٰ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Al-Qasas 28:77

Terjemahan: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

Manhaj wasatiyyah tidak hanya terhad dalam membicarakan soal konteks ibadah sahaja, tetapi ia juga perlu diimplimentasikan dalam seluruh kehidupan kerana bersesuaian dengan syariat Islam itu sendiri yang bersifat dengan kesyumulan atau komprehensif. Begitulah juga penerapan manhaj wasatiyyah dalam pembangunan perpaduan nasional negara sebagai satu usaha besar bagi memastikan negara ke arah yang lebih baik dengan keunikan yang ada pada negara Malasia iaitu masyarakat majmuk yang berbilang-bilang kaum dan agama.

Justeru, bagi mencapai negara yang lebih sejahtera, maju dan berkebakikan, perkara yang perlu diusahakan adalah memastikan pembangunan perpaduan nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Kehidupan harmoni dan

bersatu padu ialah impian setiap negara kerana perpaduan akan menjadi pasak kepada kestabilan dan pengukuhan perjalanan sesebuah negara. Negara yang bergolak dengan konflik dalaman akan mengganggu proses kemajuan negara, malah akan terpaksa berhadapan dengan isu jenayah sosial, rusuhan dan perang saudara. Malah, jika pihak kerajaan gagal menangani dengan berkesan akan isu perpaduan yang melibatkan perkauman dan agama, maka ia boleh memberikan kesan buruk yang sangat besar kepada negara⁷.

Manhaj Wasatiyyah Mengawal dari Sikap Melampaui Batas

Asasnya umat Islam ialah umat sederhana (*ummatan wasato*) dan inilah manhaj dalam penyariatian Islam iaitu sederhana. Manhaj wasatiyyah di sini bukanlah bermaksud pendekatan yang mengurangi sesuatu sedangkan mampu untuk memberi impak yang lebih baik. Manhaj wasatiyyah yang dimaksudkan oleh agama ialah pendekatan sederhana daripada dua perkara yang tercela sama ada antara terlalu *ifrat* dan *tafrit*. Kedua-duanyanya adalah melampaui batas. Pendekatan ini mementingkan kesesuaian dan keseimbangan dalam pemikiran, percakapan dan tindakan. Kesesuaian dari sudut teks nas dalam menentukan sesuatu hukum dan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi yang mengikut pertimbangan syarak. Ini kerana apa sahaja yang melampaui batas adalah ditegah oleh syarak. Riwayat Abu Hurairah secara *marfu'*:

قال رسول الله ﷺ: أَحِبِّ حَبِيبَكَ هَوْنَا مَا عَسَى أَنْ
يَكُونَ بَغِيضَكَ يَوْمًا مَا، وَأَبْغِضْ بَغِيضَكَ هَوْنَا مَا عَسَى
أَنْ يَكُونَ حَبِيبَكَ يَوْمًا مَا

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: “Cintailah orang yang kau cinta dengan sewajarnya, boleh jadi suatu hari dia menjadi orang yang kau benci. Dan bencilah kepada orang yang kau benci sewajarnya,

⁷ Sinar Harian, “Hubungan Kaum, Agama Semakin Parah di Malaysia”, laman sesawang *Astro Awani*, diakses 10 Oktober 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-kaum-agama-semakin-parah-di-malaysia-227655>.

boleh jadi suatu hari dia yang kau benci menjadi orang yang kau cinta”.⁸

Dalam konteks peringatan di atas adalah memperingatkan tidak berlebihan sehingga melampaui batas dalam bergaul dengan seseorang sama ada yang kita suka atau kita benci. Begitu juga dalam konteks makanan, kewangan dan apa sahaja yang mana terdapat tegahan daripada melampaui batasan agar kita bersikap dengan kesederhanaan yang menepati kehendak syarak. Firman Allah SWT:

يَبْنَیْ ءَادَمَ حُدُوًا زَیِّنَکُمْ عِنْدَ کُلِّ مَسْجِدٍ وَکُلُوًا وَاشْرَبُوًا
وَلَا تُسْرِفُوًا ۗ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِیْنَ

Al-A'raf 7:31

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.

Lagi firman Allah SWT:

وَالَّذِیْنَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ یُسْرِفُوًا وَلَمْ یَقْتَرُوا وَكَانَ بَیْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا

Al-Furqan 25:67

Terjemahan: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

⁸ al-Tirmizi, “Sunan al-Tirmizi”, ed. Hafiz Abu Tahir Zubair ‘Ali Za’i (Riyadh: Maktabah Darussalam, 2007), 4:89. (Abwab al-Birr wa al-Silah, Bab Ma Ja’a fi al-Iqtisad fi al-Hubb wa al-Bughdh, no. hadis 1997).

Manhaj wasatiyyah akan menjadikan seseorang tersebut dalam pemikiran, ucapan dan tindakannya membuat pertimbangan yang tepat berdasarkan agama. Ia tidak hanya melihat luaran sehingga mengabaikan dalaman. Begitu juga sebaliknya. al-Qarahdaghi⁹ menyebutkan manhaj wasatiyyah membawa manusia kepada kebahagiaan kerana kebahagiaan tidak akan tercapai melainkan dengan pertimbangan yang tepat dengan mengambil kira semua aspek termasuklah dari sudut luaran dan dalaman seperti manusia adanya jasad dan ruh.

Manhaj Wasatiyyah dengan Toleransi yang Memelihara Identiti Nasional

Di Malaysia, berdasarkan kepada penerbitan anggaran semasa penduduk Malaysia¹⁰, keseluruhan rakyat seramai 32.7 juta yang dibahagikan komposisi mengikut kaum ialah Melayu sebanyak 57.7%, Bumiputera sebanyak 12.2%, Cina sebanyak 22.8%, India sebanyak 6.6% dan lain-lain sebanyak 0.71%. Malaysia merupakan negara yang terdiri dari kalangan masyarakat majmuk mempengaruhi kepelbagaian agama selain budaya, sikap dan tabiat. Kepelbagaian agama kadang kala menjadi topik hangat apabila sentimen beragama disentuh tanpa sewajarnya. Perlulah diingat bahawa perbezaan agama bukanlah faktor kepada permusuhan dan peperangan. Perbezaan agama adalah faktor kewajipan dakwah bagi kefahaman orang Islam. Peperangan tidak tercetus kerana berbeza agama, tetapi apabila wujudnya sifat zalim dan memerangai ke atas umat Islam.

Manhaj wasatiyyah dari sudut konteks toleransi dalam kepelbagaian kaum adalah ruang untuk saling kenal mengenal, memahami perbezaan dan bertolak ansur pada perkara yang berbeza. Sekalipun manusia semenangnya diciptakan berbeza dari awal antara satu sama lain, namun Islam tetap meletakkan nilai hormat pada unsur kemanusiaan secara umumnya. Semua manusia layak mendapat kehormatan yang sewajarnya dan bersesuaian

⁹ al-Qarahdaghi, Ali Mahyuddin, "Al-Manhaj al-Wasatiyy wa al-Tawazun fi Tarbiyah al-Insan", diakses pada 5 Oktober 2022, <https://alqaradaghi.com/7449/>.

¹⁰ Jabatan Perangkaan Malaysia, "Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia", diakses pada 15 Oktober 2022, https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/07.%20JULAI/ANGGARAN%20PENDUDUK%20SEMASA%20MALAYSIA%2C%202022.pdf.

dengan fitrah kemanusiaan yang dimiliki. Ini kerana Allah mengangkat nilai manusia itu secara umum sebagaimana firman-Nya:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَجْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ
الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Al-Isra' 17:70

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Malahan asas pergaulan sesama manusia adalah berbuat baik dan berlaku adil sekalipun terhadap non Muslim dan ia disukai oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَوَمَآ يُخْرِجُوكُم
مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Al-Mumtahanah 60:8

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berlaku adil.

Dalam mewujudkan suasana harmoni dalam sesebuah negara yang memiliki kepelbagaian dari sudut kaum dan etnik, pastinya memerlukan semangat kekitaan bersama dengan matlamat

yang sama.¹¹ Namun, jika hanya semangat kekitaan sahaja maka akan timbul pula persaingan kekitaan antara kaum dalam menonjolkan imej kaum masing-masing. Semangat kekitaan ini seharusnya didominasi oleh satu bangsa yang berpengaruh sebagai imej identiti negara bangsa sesuatu tempat tersebut¹². Bagi negara kita, realitinya bangsa yang berpengaruh adalah kaum Melayu itu sendiri. Ini dapat dilihat kepada 4 perkara asas iaitu:

1. Sejarah. Kaum melayu sebagai penduduk asal yang bertapak di serantau ini sebelum dari penjajahan lagi.
2. Majoriti komposisi penduduk selepas era penjajahan berlaku. Anggaran rakyat Malaysia pada tahun 2022 masih kekal majoriti iaitu sebanyak 57.7% berbanding kaum dan etnik yang lain.
3. Kedudukan YDP Agong dan Raja-raja yang merupakan orang Melayu menjadikan simbol kekuasaan dan pentadbiran meletakkan asas Melayu.
4. Nama negara Malaysia yang mana perkata “Malay” merujuk kepada Melayu. Malah asas kepada penubuhan Malaysia pada 1963 ialah gabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak.

Lantaran itu, “Melayu” tidak hanya imej kaum tetapi menjadi identiti bagi peradaban negara Malaysia di peringkat nasional¹³. Sebab itu, kita dapat lihat imej “Melayu” menjadi identiti di peringkat Kebangsaan antaranya ialah:

1. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan.
2. Baju melayu juga termasuk sebagai baju kebangsaan.

¹¹ Siti Nor Azhani, Ros Mahwati & Wan Mohd Fazrul, “Aplikasi ‘Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Pengukuhan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia”, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3. 4 (2022), 71-82.

¹² Muhamad Zuhaili, *Merealisasikan Perpaduan Nasional di Malaysia* (Kuala Lumpur: El Farouq Consultant, 2021), 77.

¹³ Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang, “Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam”, *Kajian Malaysia* 29.1 (2011), 1-28.

Untuk merealisasikan usaha perpaduan nasional, maka umat Melayu Islam di negara ini perlu disatu-padukan terlebih dahulu. Ini kerana suasana negara dipengaruhi oleh perpaduan atau perpecahan umat melayu Islam itu sendiri. Selama mana perpecahan kalangan umat melayu Islam berterusan maka negara akan lemah dan negara tidak akan stabil kerana mudah “diganyang” oleh musuh luar yang mendatang. Perpaduan dalam kalangan umat Melayu Islam ini mesti dibentuk dari peringkat bawahan sehingga peringkat atasan pimpinan parti politik. Sistem demokrasi yang dilaksanakan dalam negara hendaklah diuruskan dengan baik dan bukannya menjadi penyebab kepada perpecahan kerana kerakusan persaingan perebutan kuasa. Penerapan manhaj wasatiyyah ke dalam sistem demokrasi ialah dengan menjadikan sistem demokrasi sebagai medan untuk:

1. Membuktikan kelayakan pimpinan dan parti yang bertanding memiliki kekuatan pengaruh menerusi undian majoriti dimiliki menerusi pengundi yang disahkan layak mengundi menurut syarat perundangan.
2. Menjadi medan semak dan imbang (*check and balance*) dalam konteks nasihat menasihati dan berkolaborasi idea mendapatkan solusi buat kesejahteraan negara dan manfaat rakyat.
3. Ruang nasihat menasihati menerusi kebebasan bersuara dan hak dalam mengundi berdasarkan tata tertib dan etika yang baik sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan matang.

Manhaj Wasatiyyah dalam Kebebasan Beragama dengan Pertimbangan yang Adil

Perbezaan antara agama mesti difahami dengan baik. Islam ada dasarnya, namun ruang sedikit dibuka sebagai dakwah dan qudwah kepada seluruh manusia. Perkara dasar tidak boleh dikompromi, namun perkara yang tidak melibatkan unsur akidah adanya ruang keterbukaan untuk umat Islam mendekati penganut kalangan bukan Islam. Praktikal di Malaysia juga dapat dilihat jaminannya menerusi peruntukan Perlembagaan iaitu Perkara 11 (1) yang berbunyi “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya”.

Islam sendiri tidak menegah penganut lain mengamalkan kepercayaan mereka selagimana dalam ruangan konteks tidak mencalarakan imej negara yang meletakkan status Islam sebagai agama Persekutuan dan tidak mengundang polemik yang menyentuh sensitiviti umat Islam secara umum. al-Qaradhawi¹⁴ menjelaskan bahawa kedudukan non Muslim selaku warganegara di sesebuah negara adalah sama sebagaimana rakyat yang beragama Islam dari sudut hak dan tanggungjawab terhadap negara. Mereka dibenarkan mengamalkan apa yang terkandung dalam ajaran agama mereka asalkan tidak mengundang polemik yang menyentuh sensitiviti umat seperti mengadakan majlis minum arak secara komersial dan besar-besaran yang tidak menghormati bulan Ramadan.

Jelas al-Qaradhawi lagi, pada zaman Khilafah Uthamaniyyah sudah wujud praktikal pengasingan mahkamah antara umat Islam dan bukan Islam dalam perkara yang bersabitkan hukuman yang diperuntukan menerusi ketetapan agama masing-masing. Bahkan, non Muslim tidak diwajibkan menerima hukuman yang ditetapkan oleh syarak sebagaimana yang dikenakan ke atas orang Islam berdasarkan kepada firman Allah SWT:

فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Al-Ma'idah 5:42

Terjemahan: Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di

¹⁴ al-Qaradhawi, Yusuf, *Ghair al-Muslimin fi Mujtama' Islami* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992), 144

antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Justeru, kegagalan dalam menerapkan manhaj wasatiyyah menjadikan seseorang itu melampaui batas sama ada:

1. Apa sahaja berkaitan non Muslim hukum haram tanpa membezakan soal akidah mahupun urusan duniawi.
2. Apa sahaja berkaitan non Muslim semuanya pula diboleh sekalipun bercampur urusan akidah dan melanggar batasan prinsip atas nama kononnya dakwah.

Dalam pembinaan negara Malaysia dengan terbentuknya Perlembagaan Persekutuan 1957 jelas memperuntukkan agama Islam merupakan agama Persekutuan menerusi Perkara 3 (1). Peruntukan ini jelas serta difahami dengan terang tanpa ada selindung mengenai kedudukan Islam bagi negara Malaysia. Hanyasanya yang menjadi perbahasan ialah:

1. Adakah ia bermaksud ‘rasmi’ kerana dalam tulisan tiada tertulis rasmi namun sebahagian orang menyebutnya secara lisan.
2. Adakah ia menunjukkan bahawa pengiktirafan Malaysia sebuah negara Islam atau sekadar negara umat Islam sebagaimana perbahasan dalam persaingan antara parti politik antara satu sama lain.

Persoalan kedua-dua ini hakikatnya tidak pun mengganggu kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan tidak juga menghilangkan keizzahan Islam yang ada. Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan secara jelas memberi maksud:

1. Identiti agama negara terhadap negara-negara luar yang berhubung atau berinteraksi dengan Malaysia.
2. Kedudukan Islam ini menjadi satu kekuatan kepada peluang yang membolehkan usaha-usaha untuk terus memperkasakan lagi hal ehwal Islam di negara ini

menerusi lunas Perlembagaan dan perundangan yang sah dan sedia ada.

Perbincangan fiqh dalam tafsiran negara Islam adalah ruang perbincangan ilmiah bagi tuntutan kuasa politik tidak leka tetapi digunakan untuk pelaksanaan usaha memperkasakan syariat Islam yang mana zaman penjajahan lagi disekat menerusi had batasan undang-undang yang digubal. Menjadi kewajipan pimpinan kalangan Muslim dan parti politik melayu Islam menjadikan Dewan Rakyat untuk menggubal Akta-akta agar syariat Islam terus diperkasa dari masa ke semasa.

Perpaduan dalam kalangan kaum di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk asasnya telah diletakkan batu asas, iaitu toleransi terhadap penganut selain Islam untuk mereka mengamalkan apa yang menjadi kepercayaan agama mereka masing-masing.¹⁵ Bertepatan dengan dakwah Islam, penganut selain Islam tidak dipaksa memasuki Islam. Mereka ada ruang untuk mengamalkan kepercayaan yang ada menerusi agama yang dianuti. Batasan pengamalan mereka adalah dengan tidak menyebarkan kepercayaan mereka kepada umat Islam. Malah, hampir semua negeri menggezekkan kesalahan penyebaran kefahaman agama selain Islam kepada penganut Islam sama ada menerusi lisan mahupun tulisan.

Batasan ini adalah bagi memastikan Islam agama Persekutuan tidak diganggu serta menghormati sejarah kedudukan Islam di kalangan umat Islam di negara ini sejak sebelum merdeka lagi. Maka bersesuaian batasan ini dalam toleransi yang diberikan kepada penganut selain Islam. Setiap negara malah tamadun terdahulu mempunyai identiti agama tersendiri sebagai imej mereka sekalipun bukan semua rakyat di bawah menganut agama yang sama. Inilah ruang dan batasan yang memelihara perpaduan sosial antara kaum dalam kebebasan mengamalkan kepercayaan masing-masing serta membentuk perpaduan nasional dengan peruntukan Islam imej bagi agama Persekutuan.

Namun dalam konteks hubungan kemanusiaan dalam kehidupan penganut selain Islam diberikan hak untuk mengamalkan

¹⁵ Wan Syatirah & Zuliana, "Perpaduan dalam Membentuk Keamanan Umat Islam di Malaysia", (Proceeding of the 7th International Prophetic Conference (SWAN). 29-30 Oktober 2020), 196.

kepercayaan mereka. Hak di situ bermaksud hak toleransi dan kebebasan bagi penganut selain Islam. Hak diberikan selama mana sesuatu itu memang termaktub dalam kitab mereka atau memang dari ajaran mereka seperti yang didakwa. Jika tiada dalam peruntukan kitab atau ajaran mereka, maka tidak dibenarkan atas nama kebebasan nafsu kerana ia bukan hak beragama tetapi keinginan nafsu, contohnya tiada peruntukan dalam mana-mana agama selain Islam yang menghalalkan membunuh diri sendiri atau orang lain, maka tidak boleh diberikan kebebasan untuk mereka membunuh kerana ia bukan ajaran dalam beragama apatah lagi perbuatan tersebut mengundang kerosakan dan kemusnahan manusia umum. Begitu juga, contoh tiada peruntukan dalam mana-mana agama, yang benarkan perjudian maka tidaklah dinamakan hak mereka untuk berjudi atas nama mereka bukan Islam kerana agama mereka pun tiada ajaran menyuruh berjudi. Sekalipun kita tidak beriman dan membenarkan 'kitab dan ajaran' mereka, namun hak beragama selain penganut Islam hendaklah berteraskan kepercayaan mereka dari sumber agama mereka. Jika tidak, ia hanya mengamalkan keinginan kebebasan diri sendiri bukan hak beragama lagi.

Islam juga meraikan kehormatan manusia atas nama kemanusiaan. Pernah satu ketika, Rasulullah SAW bangkit berdiri apabila lalunya berdekatan Baginda SAW jenazah seorang Yahudi. Lantas ditanya oleh para sahabat yang ketika itu bersama Baginda SAW lantas dijawab oleh Baginda SAW sebagaimana dalam hadis:

قال رسول الله ﷺ: أَلَيْسَتْ نَفْسًا

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ia satu jiwa/manusia".¹⁶

Dalam konteks peperangan sekalipun, Islam melarang umatnya melampaui seperti membunuh orang tua, perempuan, kanak-kanak serta pendeta-pendeta yang tidak terlibat dalam peperangan yang tercetus. Islam memelihara hak jiwa orang yang tidak bersalah sekalipun ia seorang kafir. Sikap melampaui batasan

¹⁶ Muslim, "Sahih Muslim", ed. Hafiz Abu Tahir Zubair 'Ali Za'i (Riyadh: Maktabah Darussalam, 2007), 2:491. (Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiyam li al-Janazah, no. hadis 961).

ke atas hak kemanusiaan adalah dilarang dan ditegah dalam Islam. Begitu juga asasnya kefahaman yang dibawa oleh agama lain secara tradisi.

Sikap melampaui ke atas hak kemanusiaan hanya meruntuhkan perpaduan dan merosakkan imej agama yang dianuti oleh pelampau tersebut. Peristiwa yang berlaku akibat sikap melampaui batas ini menjadi penghalang perpaduan antara rakyat atau kaum yang berbeza agama seperti:

1. Permusuhan antara penganut Hindu dan Islam di India akibat pencerobohan mereka ke atas Masjid Babri pada tahun 1992.
2. Prejudis orang Hindu ke atas orang Sikh ekoran pembunuhan Presiden Indira Gandhi oleh ekstremist Sikh pada tahun 1984.
3. Pembunuhan orang Muslim oleh Kristian Serb di Bosnia Herzegovina pada 1992 - 1995.

Manhaj Wasatiyyah Memimpin Berpolitik Secara Matang Demi Kestabilan Negara

Kemelut politik negara tidak akan berkesudahan jika hanya berlegar kalangan idealisme individu dan bukannya merujuk kepada dasar parti. Perbezaan idea dan pandangan mestilah membawa keseimbangan terhadap pentadbiran negara. Sistem demokrasi mesti diolah dengan bijak yang membawa kepada maslahat umum negara dan rakyat di mana peranan pihak kerajaan membentuk polisi dan dasar bagi hala tuju manakala pihak pembangkang pula bertindak sebagai semak dan imbang (*check in balance*) bagi sesuatu yang terdapat kelemahan dan kelompongan. Bukan disebabkan namanya demokrasi, maka pembangkang hanya membangkang daripada pihak lawan sekalipun ia baik untuk kesejahteraan negara dan rakyat.

Manhaj wasatiyyah dalam berpolitik membawa kepada suasana bermuhasabah, percambahan idea dan perkongsian pandangan demi mencapai perpaduan yang membawa kestabilan politik negara dan juga pembangunan kesejahteraan negara. Tanpa penerapan manhaj wasatiyyah dalam berpolitik, gelanggang politik negara akan kekal di takuk yang lama dengan wujudnya suasana fitnah-menfitnah, benci-membenci dan saling tuduh-menuduh serta

hasut-menghasut demi memenuhi nafsu yang rakus terhadap kepentingan diri dan kelompok tersendiri yang akhirnya meminggirkan kepentingan negara dan kebajikan rakyat.

Manhaj wasatiyyah dalam berpolitik ini dapat direalisasikan dengan penekanan aspek:

1. Tidak melontar persepsi atau sangkaan jahat.
2. Berhujah dengan fakta dan jujur bukan sembang kosong atau manipulasi data.
3. Semangat bermuhasabah demi kebenaran dan kebaikan negara serta rakyat.
4. Kepentingan negara menjadi keutamaan dari kelompok tersendiri.
5. Bersepatat pada isu keselamatan dan kedaulatan negara.
6. Mendahulukan kepentingan negara dan kebajikan rakyat dalam setiap agenda.

Setiap parti politik mestilah memastikan bahawa perbezaan dalam pembawakan agenda masing-masing masih tidak menjangkau Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada. Pembentukan Perlembagaan Persekutuan adalah sebagai asas pentadbiran negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada penjajahan dan diperintah sendiri oleh bangsa sendiri dan undang-undang sendiri tanpa kelibat penjajah lagi. Sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan ada uniknya dan di sini juga telah memaparkan bagaimana sikap kerjasama kalangan pimpinan melayu sama ada daripada parti politik atau Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi memastikan Suruhanjaya Reid memasukkan peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan secara jelas selain dari penekanan hak istimewa yang ditetapkan melibatkan hak raja-raja dan kaum Melayu sebagai penduduk asal dan majoriti.

Dalam persaingan politik dan perbezaan pendapat serta kebebasan yang diraikan mestilah dalam lingkungan yang tidak melanggar Perlembagaan ini. Selagimana perbezaan yang terjadi masih dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Perlembagaan, maka suasana perpaduan dapat dikawal dan dipelihara. Kemelut akan tercetus apabila perkara yang terjadi disebabkan pelanggaran

kepada peruntukan atau lunas perundangan yang ada dalam Perlembagaan ini seperti menyentuh isu-isu sensitif antaranya:

1. Agama Islam
2. Institusi Diraja
3. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
4. Hak istimewa kaum Melayu dan bumiputera

Soal kebebasan yang dilaungkan jangan sehingga terikut rentak kebebasan Barat tanpa pedoman. Dalam Islam, adanya kebebasan yang diberikan, namun bukan secara mutlak kerana terikat dengan soal hukum halal dan haram. Lebih cantik disebut, ia adalah soal kebebasan secara berdisiplin dan bertamadun. Kebebasan mutlak acuan Barat adalah tanpa tamadun dan disiplin yang membawa kepada kemusnahan peradaban negara. Sikap segelintir orang yang mahukan kebebasan sehingga tiada keterikatan adalah menyebabkan proses perpaduan nasional sukar dibentuk. Ini kerana apabila disebutkan perpaduan pastinya ada sesuatu yang disatukan bagi mewujudkan perpaduan. Semua pihak perlu terikat dengan satu perkara yang sama dan dipersetujui.

Dalam soal kenegaraan ini secara realitinya, rakyat dan pemimpin negara malah sistem Beraja juga terikat dengan Perlembagaan Persekutuan. Ia sebagai satu keterikatan bagi menjamin perpaduan, kestabilan dan keharmonian.¹⁷ Jika ada yang ingkar, maka akan mewujudkan suasana yang celaru dan mengundang perbalahan. Tidak ada negara yang tiada undang-undang. Antara punca kepada pelaksanaan undang-undang adalah daripada Perlembagaan Persekutuan bagi negara Malaysia. Dewan Rakyat menjadi tempat perbincangan kuasa eksekutif dalam menggubal dan meminda sesuatu. Namun begitu, ia masih terhad dengan tidak menyentuh peruntukan hak istimewa yang sedia ada. Jika berlaku undang-undang yang melangkaui Perlembagaan, maka mahkamah boleh membatalkannya.

¹⁷ Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin, "Toleransi Orang Melayu Mengharmonikan Pemajmukan Kaum di Malaysia", *Jurnal Melayu* 18.2 (2019), 201.

Manhaj Wasatiyyah Memperanankan Dialog Secara Intelekt dan Ilmiah

Dialog merupakan medium utama menjadi pra syarat persefahaman kepada perpaduan nasional yang hendak dibentuk. Dialog ialah medium bertukar pandangan, berkongsi rasa, meluahkan yang terpendam dan mencapai sepakat apa yang menjadi persefahaman serta melapangkan dada terhadap perbezaan yang ada. Kegagalan menyuburkan medium dialog akan merencatkan hala tuju perpaduan nasional. Dalam konteks agama Islam sendiri, menyeru umat Islam memperbanyakkan dialog sama ada dalam konteks dakwah keagamaan atau aspek keharmonian sosial:

1. Dialog bersama masyarakat musyrikin Mekah bagi menjawab tuduhan serta kekeliruan yang ditimbulkan oleh musyrikin Mekah terhadap al Quran. Surah al Baqarah ayat 23.
2. Dialog bersama Ahli Kitab dalam mengajak kepada persamaan yang boleh disepakati. Surah Ali Imran ayat 64.
3. Dialog bersama kabilah kaum kerabat pada permulaan dakwah secara terang-terang di atas bukit Safa.

Dialog yang dijalankan tidak hanya terhad kepada bual bicara lisan semata-mata, tetapi pelbagai versi yang membawa kepada perbincangan, perkongsian, percambahan dan penyelesaian menerusi 3 aspek¹⁸:

1. Dialog dalam kehidupan. Dialog ini berlaku apabila anggota masyarakat yang berbeza terpaksa ataupun berusaha untuk hidup bersama di luar batasan kelompok sendiri tanpa dibatasi oleh ruang lingkup agama. Dalam beberapa kes terpencil seperti mana berlaku dalam masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka, etnik bukan Melayu telah mengalami proses asimilasi yang cukup tinggi dengan masyarakat Melayu

¹⁸ Muhamad Zuhaili Saiman, "Memperanankan Dialog antara Penganut Agama", diakses pada 10 Oktober 2022, <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/11/memperanankan-dialog-antara-penganut-agama/>.

sehingga dilihat telah meleburkan budaya etnik mereka yang asal.

2. Dialog melalui tindakan bersama. Ia dapat direalisasikan apabila setiap kaum dan penganut agama yang berbeza bersepakat merancang dan melaksanakan tindakan yang menguntungkan semua pihak. Pada kebiasaannya, dialog bentuk ini dilakukan oleh *non-governmental organisation* (NGO) Islam dan bukan Islam yang bersatu memperjuangkan isu membabitkan kemanusiaan sejagat seperti isu alam sekitar, kepenggunaan, kemiskinan, pendidikan, dadah, AIDS, kebebasan demokrasi dan globalisasi. Semua pihak bersetuju dengan peranan setiap agama dan kaum dalam pelbagai nilai dan formula bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat.
3. Dialog melalui wacana intelektual. Dialog ini merupakan satu bentuk kemahiran insaniah yang wajar dipelajari dan dibudayakan. Selain itu, para pendialog wajar mempunyai ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang menjadi wacana intelektual yang dianjurkan dalam apa jua topik.

Antara yang menjadi halangan kepada kejayaan dialog adalah sikap tidak mahu berbincang. Keinginan untuk menang tanpa mahu ada keterbukaan untuk mendengar hujah daripada pihak yang lain. Dialog menjadi tempat mencari siapa pemenang, bukan lagi menjadi medium berkongsi rasa dan pertukaran maklumat demi kebaikan bersama. Sedangkan objektif kepada dialog adalah:

1. Bertukar pandangan bagi menemui kesepakatan.
2. Memupuk sifat saling hormati menghormati dan mencari nilai kerjasama.

Memperbanyakkan dialog adalah satu usaha yang sangat baik. Kurangnya berdialog boleh mengakibatkan pertembungan maklumat yang membawa kepada perseteruan dan perpecahan.

Jika ingin mengurangkan konflik, semua pihak perlu mencari penyelesaian berbeza terhadap kontroversi yang berlaku. Setiap pihak perlu mencari pendekatan yang mempromosi

pemahaman, toleransi, bahkan kesatuan antara orang beragama. Jika melibatkan kalangan pihak umat Islam terdapat beberapa aspek yang boleh diikat bagi mencapai persefahaman iaitu:

1. Agama Islam yang sama.
2. Prinsip persaudaraan yang teguh.
3. Konsep tawadhuq, mungkin kita benar dan sebaliknya mungkin pihak satu lagi yang benar.

Manakala, jika melibatkan pihak yang berlainan agama, aspek yang boleh diikat persamaan bagi mencapai persefahaman adalah:

1. Menjunjung nilai kemanusiaan sejagat yang asas.
2. Penghayatan identiti kewarganegaraan.
3. Sikap toleransi pada perkara yang terbuka.

Pentingnya dialog ini adalah secara tidak langsung mendidik semua pihak dan masyarakat agar segala tindak tanduk dan persefahaman yang dibina menerusi elemen intelektual. Emosi akan berubah dan semua orang mempunyai emosi yang susah untuk disamakan. Namun, emosi boleh disatu padukan menerusi intelektual. Pembangunan moral insan juga tercapai dengan intelektual. Kemajuan hidup juga diterajui oleh intelektual. Bukanlah emosi tidak penting, namun emosi tidak boleh dijadikan sebagai penentu dalam persefahaman. Pepatah melayu ada menyatakan: “ikut hati mati, ikut rasa binasa”.

Di sinilah nilai utama dalam dialog. Mengenenpikan emosi peribadi demi persefahaman menerusi intelektual bagi keharmonian dan kesejahteraan umum. Soal tidak berpuas hati pasti akan berlaku. Persoalannya sampai bila semua manusia akan berpuas hati? Hanya mendahulukan intelektual dapat mengatasi soal berkaitan emosi, namun terserah kepada individu yang terlibat dalam dialog yang diadakan. Rusuhan kaum, fanatik dalam agama sehingga melampaui batasan, pergolakan politik dan pertembungan tegang antara budaya semuanya mampu diselesaikan menerusi dialog secara intelektual. Membina garis panduan yang meletakkan batas boleh atau tidak (do and don't) adalah amat penting sekali.

Lihat bagaimana Rasulullah SAW sendiri mengajar umatnya adanya di sana dialog kepada perbincangan yang dibolehkan dalam Islam bagi mencapai keharmonian sejagat antaranya:

1. *Hilful Fudhul*, menyaksikan pengiktirafan bagi mencapai keselamatan umum ke atas pedagang luar agar nama baik Mekah terpelihara.
2. *Sulh Hudaibiyah*, menyaksikan genjatan senjata tanpa berperang dalam usaha perdamaian didahulukan oleh Rasulullah SAW berbanding keinginan memasuki Mekah untuk beribadah pada tahun tersebut.

Ada kala pertemuan dan dialog tidak mencapai persefahaman atau penyelesaian kerana wakil berdialog tidak jujur. Dialog hanya mencari salah agar boleh diperbesarkan lagi kesalahan. Hakikatnya ini bukan dialog tetapi risikan kepura-puraan. Dialog yang diadakan mestilah diwakili oleh mereka yang jujur dan memasang niat murni dari awal. Sama ada mencapai kata sepakat maka itu taufiq daripada Allah SWT atau jika tidak, maka paling tidak, tidak berlaku kerosakan yang sedia ada berpanjangan. Pengajaran daripada kisah perintah Allah SWT menyuruh menghantar wakil seorang yang bersifat bijaksana dalam isu pertemuan yang melibatkan permasalahan rumah tangga menerusi firman Allah SWT:

وَإِنْ حِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا
مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلِيمًا حَبِيرًا

Al-Nisa' 4: 35

Terjemahan: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah

akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya.

Kesimpulan

Manhaj wasatiyyah sangat berperanan dalam membangunkan perpaduan nasional negara bagi menyelesaikan isu dan kemelut yang mengganggu gugat keharmonian dalam negara ekoran masyarakat majmuk yang sedia ada. Isu yang melibatkan perpaduan nasional sangat penting untuk memastikan negara dalam terus dibangunkan dan stabil. Pendekatan menerusi manhaj wasatiyyah ini mesti disokong oleh semua pihak dan lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang ideologi dan asal usul keturunan.

Hasil perbincangan ini, manhaj wasatiyyah yang diketengahkan dalam menyelesaikan isu di atas adalah selari bahkan memperkukuhkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam memastikan Islam sebagai agama Persekutuan terus dijunjung dan menjadi tonggak dalam membina perpaduan nasional. Manhaj wasatiyyah mampu merungkaikan polemik mengenai kepelbagaian kaum yang selalu menjadi isu dari sudut toleransi dan kebebasan beragama sehingga boleh menyebabkan ketegangan kaum dan pergaduhan disebabkan sentimen agama. Manhaj wasatiyyah juga mengembalikan hak ke tempat asalnya dengan masing-masing memahami hak dan batasan bagi setiap sesuatu.

Jelas bahawa menurut kaca mata aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawa manhaj wasatiyyah ini merupakan pendekatan yang terbaik dalam membangunkan perpaduan nasional kerana menolak sifat ekstrem, toleransi dengan mengekalkan identiti nasional, kebebasan beragama dengan pertimbangan yang adil, berpolitik secara matang demi kestabilan negara serta memperanankan dialog yang diadakan secara intelek dan ilmiah. Kesemua ini menggambarkan bahawa kaca mata aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan umat Islam di negara Malaysia ini adalah bersikap dengan pendekatan sederhana yang tidak melampaui batasan serta tidak terlalu jumud dalam menerima perkembangan dan perubahan landskap negara dari segala aspek dan sosial.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Akrab Kassab. *Dawr al-Qaradhawi fi Ta'sil al-Wasatiyyah wa Ibraz Ma'alimiha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2008.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. "Pemeriksaan Lambang Kenegaraan Malaysia Sebagai Pemangkin Patriotisme dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia". *Jurnal Rabbanica* 2.1 (2021): 89-110.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. "Toleransi Orang Melayu Mengharmonikan Pemajmukan Kaum di Malaysia". *Jurnal Melayu* 18.2 (2019): 193-206
- al-Nawawi, Yahya bin Sharf. *Sharh al-Nawawi 'ala Muslim*. Kaherah: Muassasah Qurtubah, 1994.
- al-Qaradaghi, Ali Mahyuddin. "Al-Manhaj al-Wasatiy wa al-Tawazun fi Tarbiyah al-Insan". Diakses pada 5 Oktober 2022. <https://alqaradaghi.com/7449/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. "Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia. Diakses pada 15 Oktober 2022. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/07.%20JULAI/ANGGARAN%20PENDUDUK%20SEMASA%20MALAYSIA%2C%202022.pdf 2022.
- Muhamad Zuhaili Saiman. "Memperanankan Dialog Antara Penganut Agama". Diakses pada 10 Oktober 2022. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/11/memperanankan-dialog-antara-penganut-agama/>.
- Muhamad Zuhaili. *Merealisasikan Perpaduan Nasional di Malaysia*. Kuala Lumpur: El Farouq Consultant, 2021.
- Nazri Muslim, NikYusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. "Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam". *Kajian Malaysia* 29.1 (2-11): 1-28.
- al-Qaradhawi, Yusuf. *Siyasah al-Shar'iyah fi Dhaw al-Kitab wa al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2011.
- al-Qaradhawi, Yusuf. *Ghair al-Muslimin fi Mujtama' Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992.

- _____. “al-Wasatiyah wa al-I’tidal”. (Kertas kerja dalam Mu’tamar Wasatiyah: Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah), 2010.
- _____. *Fiqh al-Awlawiyat*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2012.
- Sinar Harian. “Hubungan Kaum, Agama Semakin Parah di Malaysia”. Diakses pada 10 Oktober 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-kaum-agama-semakin-parah-di-malaysia-227655>. 2020.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. “Aplikasi ‘Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Pengukuhan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia”. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3.4 (2022): 71-82.
- Wan Syatirah Wan Shahrudin & Zuliana Zubir. “Perpaduan dalam Membentuk Keamanan Umat Islam di Malaysia. *Proceeding of the 7th International Prophetic Conference (SWAN)*, 29-30 Oktober 2020.

